

18 AUG 1997

KUMPULAN MELAKA BERHAD BELUM BERCADANG MEMASUKI BSKL

MELAKA, 18 Ogos (Bernama) -- Kumpulan Melaka Berhad, agensi pelaburan kerajaan Melaka, belum bercadang untuk memasuki pasaran modal Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin.

"Kumpulan Melaka setakat ini belum bersedia menyertai BSKL," katanya ketika menjawab soalan pemberita bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa pelabur dan pengurus tempatan menggunakan kekuatan dan menguasai bursa itu yang kini dipengaruhi oleh dana asing.

Bagaimanapun, Kumpulan Melaka sedang melakukan kajian sama ada perlu menceburi BSKL, katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan taklimat Kumpulan Melaka di Bangunan Yayasan Melaka, di sini hari ini.

Pelaburan Kumpulan Melaka kini adalah dalam sektor pembangunan hartanah, pembinaan, prasarana dan kejuruteraan, katanya.

Kumpulan Melaka yang diwujudkan di bawah Perbadanan Ketua Menteri pada 1995, mempunyai modal berbayar RM20 juta. -- BERNAMA

NO MA